



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

**PERBILANGAN ADAT: SATU KAJIAN DARI
ASPEK HUKUM ADAT**

oleh

ROSSILAH BINTI BAKAR

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi
sebahagian keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian)
pada sesi 1993/94.

Penyella

26 APR. 1994

Tarikh

Ketua

Jabatan Persuratan Melayu

26 APR. 1994

Tarikh

PERBILANGAN ADAT: SATU KAJIAN DARI
ASPEK HUKUM ADAT

oleh
ROSSILAH BINTI BAKAR


Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat memperolehi
Ijazah Sarjanamuda Sastera
dengan Kepujian

Jabatan Persuratan Melayu
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
Sesi 1993/94

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 26 APR. 1994.



Rossilah/bt. Bakar
32138

PENGHARGAAN

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi
Maha Penyayang)

Segala puji-pujian kepada-Nya, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Alhamdulillah, dengan taufik dan hidayahnya telah dapat saya mengakhiri penulisan latihan ilmiah dalam bentuk yang seperti ini. Penulisan ini tidak akan selesai seperti yang direncanakan tanpa adanya bantuan moral dan material dari berbagai pihak yang dapat menolong saya bagi mengatasi berbagai kesulitan. Dari itu kepada semua pihak yang terlibat, saya menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Encik Mohd. Yusof Md. Nor yang telah sudi menjadi Penyelia latihan ilmiah ini. Berbagai nasihat, petunjuk dan bimbingan yang mengesankan dari beliau telah banyak membantu dan mendorong saya dalam meneliti dan menulis latihan ilmiah ini. Saya doakan semoga Allah memberi ganjaran yang berlipat ganda ke atas setiap bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan. Kepada pensyarah-pensyarah dan rakan sejawat yang sering membantu dan meluangkan masa sewaktu di kampus, saya doakan moga-moga bakti mereka diberkati Allah.

Sehubungan dengan itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak perpustakaan di Tun Seri Lanang, perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu dan perpustakaan Jabatan Persuratan Melayu kerana sudi bekerjasama dan memberi bantuan kemudahan untuk saya menggunakan bahan-bahan di perpustakaan.

Dan kepada seluruh keluarga terutama pada mak, ayah dan along serta mereka yang membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk melaksanakan latihan ilmiah ini, berbanyak terima kasih. Semoga semua jenis bantuan, harapan dan doa dari semua pihak akan mendapat balasan yang berlipat kali ganda dari Allah Yang Maha Pemurah. Amin!.

ROSSILAH BINTI BAKAR
NO. 4, LRG. MEGAH 11/A,
TAMAN MEGAH CHERAS,
43200 BATU 10, KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN.

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini terbahagi kepada 5 bab. Kajian ini membuat analisis terhadap sejarah perkembangan Adat Perpatih, aspek-aspek yang terkandung dalam hukum adat, lembaga musyawarah adat dan juga konsep keadilan yang terdapat dalam Adat Perpatih. Bab I mengungkapkan mengenai sejarah perkembangan Adat Perpatih dan konsep-konsep yang berkaitan dengan perbilangan adat. Bab II pula ialah analisis mengenai aspek hukum adat yang asas. Aspek yang disentuh termasuklah tentang undang-undang harta dan pusaka, hukum jenayah, hukum tentang berkedim, hukum perkahwinan dan hukum orang semenda dan tempat semenda. Dalam bab III pula dijelaskan fungsi ketua-ketua adat dalam hukum adat yang terlaksana dalam Adat Perpatih. Tugas dan tanggungjawab ketua-ketua adat itu pula dipecahkan kepada beberapa peringkat kepimpinan. Bab IV dibentangkan aspek-aspek keadilan yang berkaitan dengan hukuman dan penebusan. Keadilan dikatakan dapat terjamin bila penyelesaian dibuat berdasarkan muafakat. Penilaian dan kesimpulan keseluruhan dilakukan dalam bab V.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI SINGKATAN	vii
PENDAHULUAN	viii
BAB I LATAR BELAKANG BUDAYA DAN KONSEP	
1.0. Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Budaya	1
1.2 Konsep Perbilangan Adat	16
1.3 Klasifikasi Perbilangan Adat	21
1.3.1. Metos dan Lagenda	22
1.3.2. Kata-kata Istiadat	23
1.3.3. Undang-undang	24
1.3.4. Kata-kata Falsafah	25
1.4. Rumusan	26
BAB II ASPEK-ASPEK HUKUM ADAT DALAM PERBILANGAN ADAT	
2.0 Pengenalan	27
2.1. Hukum Adat	29
2.2 Hukum Adat Dalam Masyarakat Adat Perpatih.	31
2.3. Klasifikasi Hukum Adat Perpatih	33
2.3.1. Undang-undang Harta dan Pusaka.	33
2.3.2. Hukum Jenayah	44

2.3.3.	Hukum Tentang Berkedim	47
2.3.4.	Hukum Perkahwinan	52
2.3.5.	Hukuman Orang Semenda dan Tempat Semenda	64
2.4	Rumusan	69

BAB III LEMBAGA MUSYAWARAH ADAT

3.0.	Pengenalan	71
3.1.	Lembaga Musyawarah Adat	72
3.1.1.	Lembaga Musyawarah Rumpun	76
3.1.2.	Lembaga Musyawarah Ruang	78
3.1.3.	Lembaga Musyawarah Perut	81
3.1.4.	Lembaga Musyawarah Suku	84
3.1.5.	Lembaga Musyawarah Luak	88
3.1.6.	Lembaga Musyawarah Negeri	90
3.2.	Rumusan	94

BAB IV KEADILAN DALAM HUKUM ADAT

4.0.	Pengenalan	96
4.1.	Keadilan Dalam Hukum Adat Perpatih	97
4.1.1.	Keadilan Di luar Pengadilan	100
4.1.2.	Keadilan Di muka Pengadilan	104
4.1.3.	Keadilan Dalam Agama	109
4.2.	Rumusan	112

BAB V KESIMPULAN

SENARAI SINGKATAN

JMBRAS	-	Journal of Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
hlm.	-	halaman
Ibid.	-	ibidem, bermaksud pada tempat yang sama
et. al.	-	lebih daripada tiga pengarang
t.t.	-	tanpa tarikh.
Jil.	-	Jilid.
Bil.	-	Bilangan.

PENDAHULUAN 1

1 Tujuan Kajian

Interpretasi yang tidak tepat dan tidak betul telah menyebabkan timbulnya beberapa kekeliruan dan salah faham terhadap maksud yang tersembunyi dalam bait-bait perbilangan adat. Hal ini telah menyebabkan timbul beberapa tafsiran dan konsep yang salah dari anggapan yang tidak sihat terhadap Hukum Adat.

Oleh kerana soal undang-undang dalam sesebuah masyarakat adalah penting untuk menentukan arah kemajuan dan perubahan masyarakat itu maka masyarakat Adat Perpatih harus mengenal dan mengetahui arah dan pola undang-undang yang wujud dalam komunitinya. Lantaran itu, tujuan utama kajian ini ialah untuk melihat perbilangan adat yang wujud dalam masyarakat Adat Perpatih tradisional dalam konteks Hukum Adat. Dari gambaran Hukum Adat ini kita dapat menyelami jiwa, pemikiran dan falsafah serta cara hidup masyarakat tersebut.

2. Skop Kajian

Topik mengenai perbilangan adat adalah terlalu luas. Oleh itu, penulis hanya membataskan kajian kepada permasalahan Hukum Adat dalam masyarakat Adat Perpatih. Namun demikian penulis tidak menghadkan kajian kepada

kawasan yang lebih kecil sebagai sampel kajian. Satu penulisan menyeluruh yang menyentuh perbilangan adat di Negeri Sembilan dan Naning merupakan skop kajian ini.

3. Permasalahan Kajian

Masalah yang timbul dalam masyarakat Adat Perpatih sendiri terutamanya masyarakat di luar Adat Perpatih ialah kurangnya pengetahuan mereka tentang aspek dari Hukum Adat tersebut. Untuk memahaminya seseorang itu perlu memahami perjalanan sistem Adat Perpatih itu sendiri atau melakukan penelitian dan kajian dengan wajar dan mendalam demi mengelakkan sebarang kekeliruan terhadap persoalan-persoalan yang diutarakan di dalamnya. Oleh itu, kajian ini sekurang-kurangnya hendak menyelesaikan permasalahan yang wujud dalam menilai dan mentafsir perbilangan adat yang berkaitan dengan Hukum Adat itu.

Antara permasalahan kajian itu ialah:

- i) Untuk melihat bentuk masyarakat yang mewujudkan Hukum Adat tersebut berdasarkan dari sejarah perkembangannya.
- ii) Mengenalpasti bentuk-bentuk hukum adat yang terdapat dalam perbilangan adat.

- iii) Mengenalpasti siapa pemimpin dalam komuniti masyarakat Adat Perpatih.
- iv) Mengenalpasti kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh ketua-ketua adat dalam konteks Hukum Adat.
- v) Cuba menilai sejauhmana pimpinan mereka kepada komuniti masyarakat Adat Perpatih berdasarkan sistem keadilannya.

4. Kaedah Kajian

Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan perpustakaan. Dalam hal ini, penulis telah membuat pembacaan terhadap penemuan-penemuan perbilangan adat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kesemua bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian telah diteliti dan dianalisis terutamanya puisi-puisi perbilangan adat yang berkaitan dengan Hukum Adat yang menjadi permasalahan kajian. Penganalisaan terhadap perbilangan adat melibatkan juga proses penafsiran dengan melihat pemikiran masyarakat tradisi seperti yang diungkapkan di dalamnya. Dengan ini, penganalisaan yang wajar dapat dilakukan terhadap Hukum Adat berdasarkan dari perbilangan adat itu tadi.

5. Kajian Lepas

Meskipun telah banyak kajian-kajian mengenai Adat Perpatih telah dihasilkan tetapi kajian tersebut lebih cenderung kepada adat istiadat masyarakat Adat Perpatih. Antaranya adat-istiadat perkahwinan, pemilihan dan perlantikan Penghulu, adat berkedim dan sebagainya.

Di antara penulis-penulis barat yang mengkaji Adat Perpatih ialah seperti G.A. de Moubray (1931) dalam bukunya Matriachy in the Malay Peninsular and neighbouring countries; Josselin de Jong (1952) dalam Minangkabau and Negeri Sembilan; E.N. Taylor (1929) dalam "Customary law of Rembau" dan sebagainya. Manakala penulis-penulis tempatan adalah seperti Abdul Rahman Hj. Mohammad (1964) dalam bukunya Dasar-dasar Adat Perpatih; Mohamed Din Ali (1957) dalam Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu; Nordin Selat (1982) dalam Sistem Sosial Adat Perpatih, Norhalim Hj. Ibrahim (1993) dalam Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung dan lain-lain. Di sini jelas menunjukkan terlalu sedikit kajian yang khusus tentang undang-undang dalam perbilangan adat yang menyentuh tentang aspek Hukum Adat itu sendiri.



BAB II

BAB II

ASPEK-ASPEK HUKUM ADAT DALAM PERBILANGAN ADAT

2.0 Pengenalan

Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan dan Naning di Melaka, sejak turun menurun disifatkan sangat indah, lengkap dengan struktur undang-undang dan memang sesuai dengan amalan demokrasi di negara ini. Adat Perpatih itu pada istilahnya adalah satu urutan kata dan sesungguhnya merupakan satu anutan bagi masyarakat yang mengamalkannya. Sedangkan istilah Perpatih itu sendiri merupakan nama bagi orang yang menyusun sistem hukum itu. Walaupun pada istilahnya Adat Perpatih itu hanya merupakan satu urutan kata sahaja, tetapi sebenarnya ia mendukung satu cita-cita dan ideologi yang merupakan nilai bersama dalam setiap peraturan serta hukum yang diwujudkan di dalam sistem adat yang bertujuan untuk membendung perlakuan dan juga memupuk nilai-nilai kemanusiaan anggota masyarakatnya.⁴⁰

⁴⁰Abdul Kadir Yusof, "Menenal Adat Perpatih", Dewan Masyarakat, Jil. 10, Bil. 4, April 1972, hlm. 39.

2.1 Hukum Adat

Masalah mencari ketepatan pengertian adat masih terasa dalam memahami hukum adat. Terjadi begini lantaran kedua-duanya saling bergandingan dan memang tidak dapat dipisahkan. Menurut Abdullah Siddik,⁴¹ adalah sangat penting untuk mengetahui bahagian adat yang mana boleh diertikan sebagai Hukum Adat kerana dalam pengertian adat yang luas itu termasuk juga aspek hukum dan falsafah.

Di samping itu perlu pula difahami bahawa tidak semua adat itu mengandungi aspek hukum. Untuk menentukan bahagian adat yang berunsur hukum, Van Dijk telah memberikan istilah Hukum Adat. Menurutnya, Hukum Adat dan adat tidak dapat dipisahkan. Beliau menghuraikan bahawa untuk membezakan peraturan-peraturan hukum ini dari peraturan-peraturan adat yang lainnya maka di awal perkataan adat itu ditambah dengan perkataan "hukum".⁴²

Walau bagaimanapun, terdapat dua pendirian mengenai Hukum Adat itu. Golongan pertama yang diwakili oleh Van Vollenhoven yang beranggapan bahawa Hukum Adat itu ialah

⁴¹Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 11.

⁴²Ibid, hlm. 14.

adat yang mempunyai "sanction" ⁴³ dari yang paling ringan sampailah yang paling berat. Golongan yang kedua didukung pula oleh Ter Haar dan pengikutnya. Mereka berpendirian bahawa sesuatu adat-istiadat dikatakan Hukum Adat bergantung kepada sikap penguasa sesuatu masyarakat. Jika si pelanggar adat-istiadat itu dihukumkan, maka adat-istiadat itu sudah merupakan Hukum Adat.⁴⁴ Penjelasan singkat di atas menggambarkan Hukum Adat itu adalah sebahagian daripada adat atau norma-norma yang mempunyai pengukuhan dan mempunyai natijah hukum.

Oleh kerana perkataan hukum itu membawa unsur hukum bagi yang melanggarnya, maka orang yang melanggar hukum yang terdapat di dalam adat akan dianggap sebagai "orang yang tidak beradat". Untuk tidak dianggap demikian, maka setiap individu akan patuh kepada hukum itu sepertimana pengertian Hukum Adat yang diberikan oleh Bellefroid iaitu sebagai peraturan hidup yang walaupun tidak dikanunkan oleh penguasa negara tetapi sentiasa dianuti oleh rakyat dengan keyakinan bahawa peraturan tersebut berlaku sebagai hukum.⁴⁵ Oleh itu, Hukum Adat merupakan norma-norma atau kaedah-kaedah yang bersumberkan peradaban keadilan rakyat yang sentiasa berkembang dan

⁴³"Sanction" itu merupakan reaksi dari masyarakat yang perlaksanaannya bergantung kepada pihak yang berkuasa.

⁴⁴Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, hlm. 16 - 17.

⁴⁵Ibid, hlm. 19.

meliputi peraturan, tingkahlaku manusia dalam kehidupan sehari-hari dalam masyarakat.

2.2 Hukum Adat Dalam Masyarakat Adat Perpatih

Adat Perpatih mengakui bahawa Hukum Adat Perpatih adalah susunan hukum-hukum adat yang dilakukan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang yang kemudiannya diwarisi turun temurun. Jadi masyarakat Adat Perpatih secara samar-samar mengakui adanya "law giver".⁴⁶ Tegasnya, masyarakat Hukum Adat ini adalah satu himpunan manusia yang tunduk pada satu kesatuan hukum yang dijalankan oleh penguasa yang timbul sendiri dari masyarakat Hukum Adat tersebut.

Menurut Hashim A. Ghani,⁴⁷ Hukum Adat Perpatih ialah pematuhan masyarakat kepada Lembaga atau kekuasaan lama yang terpakai dalam masyarakat atau daerah Adat Perpatih sejak zaman berzaman. Hukum tersebut pula mengandungi peraturan-peraturan hidup. Peraturan-peraturan hidup ini disesuaikan dengan kehendak-kehendak hidup bersuku dan hidup di atas prinsip "budi dan muafakat". Hukum Adat Perpatih juga menyarankan cara yang patut dalam melakukan sesuatu supaya masyarakat dapat bergerak dengan licin dan tenteram.

⁴⁶Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 108.

⁴⁷Hashim A. Ghani, "Kata Perbilangan dan Tafsirannya", Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 9hb. - 12hb. April 1974, hlm. 1.

Oleh kerana terdapatnya pematuhan terhadap Lembaga maka hukum tersebut tidak boleh berjalan sendiri tanpa ada penguasa. Penguasa ini membentuk hukum yang timbul dari rasa tanggungjawab setiap masyarakat. Oleh kerana di dalam adat itu terdapat kaedah baik dan buruk maka terpulanglah kepada sesebuah masyarakat itu untuk membuat garis panduan sebagai pembatasan di antara yang buruk dengan yang baik. Dengan adanya pembatasan di antara yang baik dan yang buruk tadi, seseorang individu di dalam masyarakat tadi dapat memilih yang mana satu perlakuan yang patut ditiru dan yang mana patut ditinggalkan. Yang ditiru ialah yang baik dan dilakukan berulang-ulang kali. Manakala perlakuan yang buruk akan mendapat tentangan dan ditinggalkan. Perbuatan yang baik tadi akan diulang-ulang perlakuan lalu berkekalan menjadi adat yang diterima ramai.

Hukum Adat Perpatih ini bukan satu paksaan kerana tidak dikanunkan. Ianya hanya merupakan penghayatan masyarakat terhadapnya timbul dari rasa keinsafan yang tidak mahu mengkhianati sesuatu yang telah bulat dimuafakati. Hakikat bahawa adat itu ialah hukum nyata sekali dalam kalimat-kalimat yang digunakan dalam perbilangan adat ketika mengemukakan sesuatu pendapat iaitu, "mengikut hukum adat". Bila mereka tidak tahu mereka "mencari adat". Bila mereka patuh, mereka

"memelihara adat". Juga terdapat konsep menghina iaitu "tidak tahu adat".⁴⁸

2.3 Klasifikasi Hukum Adat Perpatih

Terlebih dahulu harus diakui dalam pengkelasan ini, cuma perbilangan-perbilangan kata yang utama sahaja akan dikemukakan memandangkan banyaknya kata-kata adat yang ada kaitan dengan satu-satu aspek hukum itu. Garis-garis kasar pengkelasan tersebut ialah seperti berikut:

2.3.1 Undang-Undang Harta dan Pusaka

Adat Perpatih dari segi idealnya adalah menggalakkan pengumpulan harta dan mendorong supaya harta yang ada itu ditambah seperti kata adat:

Menyebarkan nak lebar

Menyambung nak panjang

Oleh kerana masyarakat Adat Perpatih merupakan masyarakat tani, maka harta yang penting bagi mereka ialah tanah yang merupakan sumber pendapatan.⁴⁹ Di masa dahulu, cara anggota-anggota masyarakat Adat Perpatih

⁴⁸Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 107.

⁴⁹Idris Yahya, "Perpecahan Tanah dan Masalahnya", Dewan Masyarakat, Jan. 1975, hlm. 24.

untuk menambahkan hartanya ialah dengan membuka tanah baru di luar perkampungan. Pembukaan tanah-tanah baru lazimnya diketuai oleh seorang Buapak atau Datuk Lembaga dengan membawa anak-anak buah di dalam sukunya.⁵⁰

Sistem adat masyarakat Melayu Negeri Sembilan juga mempunyai peruntukan bagi peraturan perwarisan harta yang tersendiri. Hukum Adat tentang perwarisan harta adalah sistem yang menetapkan harta kekayaan, baik yang berupa kebendaan ataupun bukan kebendaan daripada seseorang bagi diserahkan kepada keturunannya. Di samping itu juga ditentukan cara dan proses penyerahan tersebut. Pentadbiran harta tersebut dijelaskan oleh perbilangan:

Terbit pusaka kepada harta
 Si lelaki menyandang pusaka
 Si perempuan yang punya pusaka
 Orang Semenda yang membela

Menurut Nordin Selat, harta pusaka dalam Hukum Adat Perpatih boleh diklasifikasikan kepada:⁵¹

⁵⁰Mansur Hj. Jamaluddin, "Konsep Harta Di Dalam Sistem Adat Perpatih", Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10 - 12hb. April 1974, hlm. 4.

⁵¹Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 112.

a. Harta Pusaka Benar

Perwarisan harta pusaka benar kepada perempuan berdasarkan oleh Adat Perpatih kepada keadaan alam semulajadi, iaitu anak perempuan yang meneruskan perut atau suku dan anak perempuan pulalah yang lemah dan perlu dijaga keselamatannya dan dijamin kehidupannya. Oleh kerana itu maka harta pusaka benar diletak atas nama perempuan dari ibunya turun temurun.⁵² Mengikut tatacara adat,

Anak perempuan dapat saka

Anak lelaki dapat soko

Pusaka benar ini dikenali juga sebagai harta pusaka suku. Ianya terdiri daripada tanah-tanah kampung, sawah, dusun buah-buahan dan rumah yang diwarisi dari ibu yang letaknya di atas tanah pusaka. Perwarisan harta pusaka benar ini diberikan kepada anak perempuan sesuku secara turun temurun, bermula dari ibu kepada anak perempuan, seterusnya kepada keturunan perempuan yang berikutnya. Oleh itu tanah yang menjadi harta pusaka itu akan didaftarkan di atas nama wanita. Anak lelaki tidak berhak memilikinya tetapi boleh tinggal dan mengerjakannya sebelum ia beristeri atau jika tanah itu terbiar.

⁵²Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, hlm. 149.

Walaupun keistimewaan diberikan kepada kaum perempuan dari segi perwarisan harta pusaka tetapi perwarisan itu bukan dalam bentuk hak persendirian. Malah faedah yang mungkin didapati menerusi harta tersebut masih tetap dinikmati bersama keluarga sesuku, itu seperti yang dikemukakan oleh E.N. Taylor:⁵³

- i) Semua harta adalah menjadi hak kepada suku dan bukan dimiliki secara individu.
- ii) Harta yang diperolehi dengan secara mewarisi, ianya akan menjadi harta pusaka.
- iii) Semua harta pusaka adalah diberi kuasa kepada ahli keluarga yang perempuan dalam suku.
- iv) Semua harta pusaka mestilah diberi hak mewarisi kepada keluarga yang menjadi tulang-belakangnya.

Sekiranya timbul pula keadaan di mana sesuatu suku itu sudah punah⁵⁴ dan harta pusaka itu tidak dapat diturunkan kepada sesiapa, maka tanah pusaka yang sedemikian itu dikatakan "pusaka tergantung". Jika berlaku, anak lelaki atau waris lelaki akan menyembahkannya (memberitahu) kepada Undang untuk

⁵³E.N. Taylor, "Customary Law of Rembau", JMBRAS, Vol. VII, 1929, hlm. 9.

⁵⁴Punah bermaksud meninggal dunia semuanya iaitu tidak ada lagi anggota suku yang tinggal. Dalam konteks ini, ia bermaksud tiada lagi waris perempuan.

dilelong. Dalam upacara lelongan ini anggota suku itu sendiri diberi keutamaan sebelum ia dibuka kepada orang ramai. Hasil dari lelongan itu akan diberikan kepada anak-anak lelaki si mati, abang atau bapa saudaranya mengikut keadaan.⁵⁵

Sebenarnya harta pusaka benar tidak boleh dijual atau digadai seperti yang ditetapkan oleh Hukum Adat.

Dijual tidak dimakan beli

Digadai tidak dimakan sandar.

Oleh kerana itu harta pusaka tidak boleh dijual kecuali oleh sesuatu sebab tertentu dan dengan kebenaran Lembaga.

Adat tak berdiri

Rumah gadang ketirisan

Gadis gadang tak bersuami

Mayat terbujur di tengah rumah.

Apabila ada pihak yang ingin memindah-milik terhadap harta ini, hanya boleh dilakukan di dalam lingkungan suku sahaja. Manakala keizinan Lembaga adalah perlu pada sebarang penjualan terhadap harta itu.⁵⁶ Segala

⁵⁵Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 114.

⁵⁶M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malays, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 23.

pembahagian adalah dijalankan atas dasar muafakat dikalangan ahli-ahli kelompok keluarga kerana adat menghendaki:

Bulat air kerana pembentung

Bulat manusia kerana muafakat.⁵⁷

b) Pesaka Sendiri

Ini adalah harta pusaka jenis kedua dalam Adat Perpatih. Ia juga dikenali sebagai "harta pusaka waris". Harta ini merupakan harta nenek moyang yang pada asalnya merupakan harta penambahan dalam sesuatu suku. Harta jenis ini merupakan harta benda yang diwaris oleh anak daripada orang tuanya seperti barang-barang kemas dan lain-lain harta carian bapa atau pemberian daripada bapa.

Cara perwarisan harta pusaka waris tidak sama dengan harta pusaka suku. Perwarisan tidak terhad kepada kuasa perempuan sahaja. Kaum lelaki dari waris yang sama juga berhak menuntut bahagiannya. Oleh itu cara perwarisan harta pusaka waris tidak sama dengan harta pusaka benar kerana pusaka waris juga diwarisi oleh kaum lelaki. Bagi menentukan cara perwarisan ini, permuafakatan sering diadakan untuk mencapai kata sepakat dalam menentukan

⁵⁷Norhalim Hj. Ibrahim, "Sistem Sosial Adat Negeri Sembilan", Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Anjuran Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 3 - 5 Mei, 1984, hlm. 7.

siapakah ahli waris yang patut menerima sesuatu hak. Ia bergantung kepada kata putus dari permuafakatan itu.

Selain daripada harta pusaka, Adat Perpatih juga membahagikan harta kepada beberapa kategori. Antaranya ialah:

2.3.1.1 Harta Pembawa

Harta pembawa ialah harta yang sedia dimiliki oleh lelaki pada waktu dia berkahwin. Harta itu dibawa kepada suku isterinya iaitu yang dibawanya semasa perkahwinan. Harta itu mungkin termasuk harta dari pendapatan semasa bujang yang dikenali sebagai carian bujang,⁵⁸ sebahagian dari harta dari perkahwinan yang terdahulu dan juga sebagai harta pusaka dari keluarganya yang diperolehi. Selain daripada itu, harta pembawa juga biasanya terdiri daripada senjata-senjata seperti keris, tombak, lembing dan juga pakaian. Malah ada juga yang membawa binatang-binatang ternakan seperti kerbau, lembu, kambing dan sebagainya. Lazimnya harta pembawa ini berasal dari dua sumber yang utama iaitu harta yang diperolehi oleh seseorang lelaki itu semasa ia masih bujang atau harta-harta yang telah diberikan oleh ibubapanya.⁵⁹

⁵⁸Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 117.

⁵⁹Norhalim Hj. Ibrahim, Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan Dengan Adat Temenggu, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1993, hlm. 111 - 112.

Segala harta pembawaan harus diisytiharkan kepada kelompok keluarga isteri sewaktu berkahwin. Apabila isteri meninggal dunia, permohonan untuk pemulangan harus dibuat pada kenduri seratus hari. Tatkala ini juga si suami dijemput balik ke tempat suku asalnya. Tanpa isteri, dia tidak mempunyai hak lagi untuk tinggal di tanah pusaka isterinya. Harta pembawaan ini akan dikembalikan kepada waris lelaki jika lelaki yang meninggal dunia. Jika bercerai hidup, si suamilah yang berhak membawa balik harta pembawaannya bersama-sama dengan bahagian yang diperolehi daripada pembahagian carian suami-isteri.⁶⁰

2.3.1.2 Harta Dapatan

Harta dapatan ialah harta yang sedia ada pada si isteri semasa dia berkahwin. Harta ini terdiri daripada tiga jenis, iaitu harta carian semasa dia anak dara, harta yang diperolehi apabila berlaku penceraian (harta carian) dengan suami sebelumnya dan harta yang diperolehi semasa ia janda. Apabila perempuan itu meninggal dunia, harta dapatan ini jatuh kepada anak perempuannya. Jika bercerai hidup, harta dapatan ini diserahkan kepada isteri manakala suami pula tiada hak ke atasnya.

⁶⁰Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-undang Islam dan Undang-undang Adat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 80.

Oleh itu, harta jenis ini juga boleh dimaksudkan sebagai harta-harta yang dimiliki oleh isteri secara mutlak. Harta tersebut tetap tinggal pada isteri walaupun terdapat bertambahnya nilai harta isteri itu. Umpamanya rumah isteri itu telah diperbesarkan lagi oleh si suami atau di dalam tanah pusaka isteri itu telah ditanam oleh suami dengan pokok buah-buahan. Ini disebabkan harta itu adalah harta dapatan di isteri. Ianya amat penting kepada si isteri kerana di dalam Adat Perpatih, seseorang perempuan yang tidak berharta, sama tarafnya sebagai "anak dagang" iaitu seperti kata perbilangan adat:

Nyawa terletak di atas badan

Badan terletak di atas harta.

2.3.1.3 Harta Carian

Menurut M.B. Hooker,⁶¹ harta sepencarian boleh diertikan sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri dalam masa perkahwinan. Apabila mereka bercerai, harta itu biasanya dibahagi sama rata.⁶² Malah menurut Brigge J. pula, harta pencarian bermaksud

⁶¹Abdul Kadir Ismail dan Abdul Monir Yaacob, "Harta Sepencarian Menurut Pandangan Islam", Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan, Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983, hlm. 5.

⁶²Ahmed Ibrahim dan Ahilemah Jones, Sistem Undang-Undang di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 34.

harta yang diperolehi semasa perkahwinan antara suami isteri hasil dari sumber-sumber mereka atau hasil daripada usaha mereka bersama. Harta pencarian juga merupakan harta-harta yang berada di luar Tanah Adat yang dicari atau dibeli oleh seseorang itu, yang dipunyai atau dimilikinya dengan cara sama ada pemberian dari pihak lain ataupun membeli dengan usaha titik peluh seseorang itu sendiri. Harta-harta ini termasuklah harta carian sebelum seseorang itu berkahwin yang merupakan harta sekutu atau harta pembawaan setelah ia berkahwin kelak dan harta milik bersama yang dikenali juga sebagai 'harta suarang', iaitu harta carian semasa pengkongsian hidup antara suami isteri yang dimiliki bersama.⁶³

Berhubung dengan harta carian, Adat Perpatih juga membahagikannya kepada dua jenis, iaitu:

- i) harta carian suami isteri sesudah berkahwin.
- ii) harta carian bujang.

Bagi kedua-dua jenis harta ini, jika berlakunya perceraian sama ada cerai hidup atau mati, pembahagiannya tertakluk seperti kata perbilangan:

⁶³Mohd. Shah b. Hj. Lassim dan Norhalim b. Hj. Ibrahim, "Tanah-tanah Terbiar: Satu Cadangan Pembangunan", Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 3 - 5 Mei, 1984, hlm. 5.

Bersuarang beragih

Bersekutu belah

Carian bahagi

Dapatan tinggal

Pembawaan kembali.

dan Mati bini pada laki
 Mati laki pada bini
 Ada anak dibahagi dua

Sebagai harta bersama, masing-masing mempunyai hak ke atas harta tersebut. Ertinya apabila mereka bercerai, harta itu dibahagi mengikut ketentuan seperti berikut:⁶⁴

- i) bila suami-isteri bercerai, harta suarang dibahagi dua antara mereka yang berusaha.
- ii) bila suami meninggal dunia, harta itu dibahagi dua antara isteri dan ahli waris suaminya yang dalam hal ini kemenakannya.
- iii) bila isteri meninggal dunia, harta itu dibahagi antara suami dan ahli waris isteri yang dalam hal ini ialah anak-anaknya.

⁶⁴A.A. Navis, Alam Terkembang Jadi Guru: Adat dan Kebudayaan, hlm. 165; M.B. Hooker, Reading in Malays Adat Laws, Singapore University Press, Singapore, 1970, hlm. 110; E.N. Taylor, "Customery Law of Rembau", hlm. 26 - 28.

- iv) bila kedua-duanya meninggal serentak, bahagian suami diwarisi kemenakannya, sedangkan bahagian isteri diwarisi anak-anaknya.

2.3.2 Hukum Jenayah

Segala tingkah-laku anggota dalam masyarakat akan mencorakkan masyarakat itu sendiri. Menurut hukum jenayah, jika seseorang anggota masyarakat melakukan perbuatan sumbang maka seluruh masyarakat mendapat malu iaitu "malu yang tak boleh diagih".⁶⁵ Pantang kepada seseorang anggota masyarakat melakukan:⁶⁶

Dahaga dahagi

Sumbang salah

Siar bakar

Maling curi

Kicang kecoh

Upas racun

Tikam bunuh

Samun sakal.

⁶⁵Mohd. Yusof Md. Nor, "Perlambangan dalam Perbilangan Adat Perpatih: Satu Pandangan Umum", hlm. 132.

⁶⁶Mohamed Din bin Ali, Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu, hlm. 61.

Oleh itu, jenayah dalam Adat Perpatih boleh diklasifikasikan kepada:⁶⁷

i) Dahaga dahagi

Dahaga ialah dengan sengaja melawan Ketua Adat dalam menjalankan tugasnya yang wajar. Manakala dahagi pula ialah perbuatan ketua adat mengemukakan tuduhan palsu dengan sengaja terhadap anak buahnya.

ii) Sumbang salah

Sumbang ialah dengan sengaja berkelakuan tidak tertib atau tidak sopan di khalayak ramai. Salah ialah dengan kekerasan atau ugutan memaksa orang melakukan atau menerima perbuatan yang mencabul maruah atau yang tidak sopan.

iii) Siar bakar

Siar ialah dengan sengaja membakar harta orang tetapi tidak sampai musnah sama sekali. Bakar ialah dengan sengaja atau menerusi kecuaiian atau penggadaian menyebabkan harta orang terbakar hingga musnah sama sekali.

⁶⁷Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 131-133.

iv) Maling curi

Maling ialah mengambil harta orang waktu malam dengan menggelidah, memecahkan, memanjat atau mengguna kunci palsu. Curi ialah mengambil harta orang waktu siang hari.

v) Kicang kecoh

Kicang ialah menghasut orang lain supaya melakukan kekacauan manakala kecoh pula orang tersebut sendiri melakukan penghasutan hingga mengganggu ketenteraman orang lain.

vii) Upas racun

Upas ialah dengan sengaja dan secara tipu memberi makan racun hingga merana tetapi tidak membawa maut. Racun pula boleh menyebabkan kematian.

viii) Tikam bunuh

Tikam ialah melukakan dengan senjata tajam, tidak sampai membawa maut. Bunuh ialah menyebabkan kematian menerusi tikaman dengan senjata tajam.

ix) Samun sakal

Samun ialah dengan kekerasan merampas harta orang untuk faedah diri sendiri di tempat

sunyi. Sakal ialah menyebabkan kematian tatkala melakukan samun.

2.3.3 Hukum Tentang Berkedim

Bagi suami isteri yang tidak mempunyai anak sendiri, Adat Perpatih membenarkan satu-satu kelamin itu mengambil anak angkat dalam satu suku atau di luar suku untuk dijadikan anak sendiri. Perbuatan mengambil anak angkat ini dikenali sebagai "mengedim budak". Bila pasangan suami isteri itu hendak mengambil anak angkat di luar sukunya maka pasangan tersebut mestilah mendapat persetujuan dari suku si isteri. Selepas suku itu memberi keizinan, Lembaga pula berunding dengan Lembaga kepada suku yang memberi anak buahnya untuk diberikan kepada pasangan suami isteri tersebut.

Satu upacara kenduri menyembelih kerbau atau kambing diadakan. Kenduri ini dihadiri oleh Lembaga, Buapak, Besar dan waris sekedim. Diadakan juga pada upacara yang sama upacara mencecah darah di mana anggota yang masuk berkedim dan seseorang dari anggota keluarga yang menerimanya mencecah jari mereka dalam semangkuk darah kambing atau kerbau yang disembelih tadi. Selepas itu direnjiskan tepung tawar diikuti dengan pengakuan bahawa anggota yang terlibat sudah dikedimkan pada suku yang berkenaan. Yang penting dalam upacara-upacara mengkedim ini ialah pengakuan dan penghebahan tentang seseorang itu

telah diterima dengan hak-hak tertentu. Hebah
dilambangkan:

Darah di cecah
Doa ditampung
Sumpah dilabuh
Quran dijunjung.

Untuk menerima anggota baru pada sukunya, pihak yang menerima itu mesti mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Syarat-syarat yang mesti dipenuhi itu ialah:

Orang ditarik diberi harta
Orang disuruh diberi belanja
Orang dikurung diberi makan
Orang memberi memilih sahaja.

Mengikut perbilangan adat di atas, orang yang dikedimkan itu adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya kepada orang yang menerimanya sebagai saudara. Bila seseorang anak angkat itu sudah dikedimkan, dia tidak lagi berhak dalam suku asalnya sebaliknya dia akan tinggal dengan suku yang mengedimkannya. Tetapi bila dewasa dia tidak boleh berkahwin dengan orang dari suku asalnya.

Anggota-anggota baru itu pula akan diberikan hak yang sama seperti anggota yang lain juga. Walaupun dia

adalah asalnya dari suku yang lain, tetapi setelah dikedim, ia akan mendapat segala persamaan dengan anggota-anggota yang lain, seperti yang diibaratkan:

Duduk di alam yang beraja
 Luak nan berpenghulu
 Suku nan dua belas
 Pesaka satu adat datar
 Walaupun pesaka satu adatnya datar
 Berruang juga bak durian
 Bersireh juga bak sipasin
 Berlopak bak sawah
 Kok kundur menjalar ke labu
 Labu pula menjalar ke kundur
 Pokok pula dipupuk
 Buah pula dimakan
 Duduk sejajar
 Jalan seiring
 Berdiri sama tinggi
 Duduk sama rata
 Kok daging sama beratnya
 Kok tulang sama putihnya
 Kok darah sama merahnya.

Dari segi hukum adat, ada dua kategori kedim:

i) Kedim adat.

Kedim adat tidak memberi hak yang penuh kepada anggota berkedim. Bagi perempuan, dia tidak boleh

mewarisi harta pusaka manakala lelaki pula tidak boleh memegang jawatan adat. Oleh itu yang dimaksudkan dengan "kedim adat" ialah pengambilan anak angkat terbatas, iaitu:

Seorang anak perempuan dari sukunya sendiri atau dari bahagian sukunya diambil sebagai anak angkat dan kepadanya diberi hak hanya atas harta yang ditetapkan dan telah diberikan kepadanya semasa hidup ibu angkatnya.

Menurut E.N. Taylor mengenai kedim adat pada Lembaga adalah seperti berikut:⁶⁸

"Limited adoption means that a definite relationship is created, but that the right of inheritance, if conferred at all, is restricted".

ii) Kedim Pusaka

Kedim adat pusaka pula memberi anggota-anggota yang berkedim hak penuh sebagai anggota biasa. Jika perempuan berhak mewarisi harta pusaka dan jika lelaki boleh memegang jawatan ketua adat. Oleh itu yang dimaksudkan dengan "kedim adat pusaka" ialah mengambil seseorang sebagai anak angkat penuh.

⁶⁸E.N. Taylor, "The Customary Law of Rembau", JMBRAS, Vol. VII, Pt. 1, 1929, hlm. 40.

Menurut E.N. Taylor:⁶⁹

"Full adoption means that the relationship constituted between the parties is in all respects equal to that between a natural mother and child".

Orang yang diambil anak angkat boleh seorang lelaki dan boleh juga seorang perempuan. Jika mengenai seorang perempuan, maka "kedim pusaka" memberikan kepadanya sama hak warisan dan tanggungjawab seperti kepunyaan anak-anak perempuan dan cucu-cucu perempuan ibu angkatnya.

Di dalam Adat Perpatih, tiap-tiap anggota masyarakat mestilah terdiri dari satu-satu suku yang tertentu. Jika tidak bersuku, ia dianggap sebagai orang luar. Ada terdapat perbilangan yang menunjukkan keadaan orang yang tidak mempunyai suku:

Terangau-angau di terbang
 Tersesak-sesak di labuh
 Ke atas tidak berpucuk
 Ke bawah tidak berurat
 Kok perahu tidak ada tambangan
 Kok dagang tidak ada tempatan.

⁶⁹Ibid.

Berkedim juga bertujuan untuk menerima orang luar dan orang dagang menjadi saudara.⁷⁰ Seseorang anak dagang⁷¹ tidak ada status dalam Adat Perpatih. Orang dagang yang tidak berkedim dikatakan "dagang hanyut" yang bermaksud tidak ada yang ambil peduli. Oleh yang demikian yang memberi status dalam masyarakat Adat Perpatih ialah suku. Apabila dia menjadi anggota suku bermakna dia mempunyai saudara-mara.

Kalau jadi pergi ke pekan
 Yu beli belanak pun beli
 Ikan parang beli dahulu
 Kalau anak pergi berjalan
 Ibu cari sanak pun cari
 Induk Semang cari dahulu.

2.3.4 Hukum Perkahwinan

Perkahwinan juga digalakkan dalam masyarakat Adat Perpatih terutama kepada mereka yang telah berkemampuan dan sanggup memikul tanggungjawab dalam urusan

⁷⁰Pada masa dahulu, perbuatan mengambil orang luar menjadi saudara sendiri itu merupakan satu perbuatan biasa sahaja, terutama di waktu negeri baru dibuka dan bilangan penduduknya masih kecil. Oleh itu, untuk meramalkan bilangan anak negeri dan anak buah, maka suku-suku menggalakkan orang perantauan menetap di kampung suku mereka.

Abdul Rahman bin Hj. Mohammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, hlm. 41.

⁷¹Konsep berdagang ini mempunyai kaitan dengan sejarah orang Minangkabau. Orang Minangkabau ialah orang yang suka merantau. Oleh itu, adat dan masyarakatnya sentiasa menyuruh mencari "Induk Semang" yang bermaksud saudara angkat semasa di perantauan.

rumahtangga. Satu keistimewaan yang terdapat dalam masyarakat Adat Perpatih ialah perkahwinan itu tidak hanya merupakan pertalian perseorangan tetapi juga penyambung pertalian keluarga antara dua pihak. Ini kerana tujuan sebenar perkahwinan pada hukum adat adalah lebih menuju kepada kesuburan waris dan juga kebahagiaan suku.⁷²

Dalam Adat Perpatih, jurai keturunan berbentuk "unilineal" iaitu disusun galur hanya kepada satu pihak sahaja. Ianya adalah bersifat "matrilineal" di mana keturunan seseorang itu disusun mengikut nisab ibu. Sesuai dengan masyarakat yang bersuku, maka sistem perkahwinan Adat Perpatih adalah bersifat eksogami iaitu tiada dibolehkan seseorang itu berkahwin dalam sukunya sendiri. Oleh itu di dalam Adat Perpatih, syarat yang paling penting untuk berkahwin ialah pihak lelaki dan pihak perempuan itu mestilah terdiri dari dua suku yang berlainan. Perkahwinan dalam satu suku dianggap sumbang dan menjadi satu kesalahan adat seperti kata perbilangan adat:

Kalau tak dapat minum
Ke darat tak dapat makan
Kaki tiang ke atas
Kepala tiang ke bawah.

⁷²Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hlm. 138.

Di dalam masyarakat Adat Perpatih, seseorang itu tidak dibenarkan berkahwin dengan orang yang sesuku dengannya. Jika dilakukan juga maka ia merupakan satu kesalahan yang amat besar dan dianggap sebagai orang yang hina. Ini dinyatakan dalam perbilangan adat sebagai:

Laksana buah beluluk

Tercampak ke laut

Tidak di makan ikan

Tercampak ke darat

Tidak dimakan ayam.

Perkahwinan satu suku atau sewaris itu dianggap sumbang di dalam Adat Perpatih. Kahwin sumbang itu boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu "sumbang sekedim" dan "sumbang sewaris". Sumbang sekedim ialah berkahwin dalam perut yang sama. Menurut adat ia merupakan kesalahan yang paling besar. Sumbang sekedim ini juga dikenali sebagai "sumbang balai melintang". Hukuman yang dikenakan kepada pasangan ini ialah segala harta bendanya akan dirampas. Manakala sumbang sewaris pula ialah perkahwinan dalam suku yang sama tetapi berlainan perut. Menurut adat, hukuman yang dikenakan terhadap pasangan tersebut ialah bagi perempuan akan hilang hak milik harta pusaka manakala bagi si lelakinya pula ialah hilang hak untuk memegang jawatan dalam adat. Mereka yang melanggar batas-batas adat tersebut diibaratkan sebagai:

Satu diberi dua ditarik
 Anau sebatang dua sigai⁷³
 Pelesit dua sekampung.

Oleh itu, setiap perkahwinan mestilah tertakluk kepada hukum adat. Di dalam hukum itu terdapat batasan atau penentuan orang yang tidak boleh dikahwini untuk selamanya dan orang yang perkahwinannya dilarang untuk sementara sahaja. Antara batasan perkahwinan di dalam Adat Perpatih:

- i) Berkahwin sesama suku atau dalam suku yang sama.
- ii) Berkahwin semula dengan perempuan lain dalam suku isteri yang telah dicerainya, jarang-jarang diterima.
- iii) Berkahwin dua dalam satu suku adalah ditolak sama sekali.

Di Negeri Sembilan, terdapat beberapa cara perkahwinan. Di antaranya ialah:

a) Perkahwinan Yang Lazim

Telah menjadi kelaziman di mana-mana sahaja bahawa setiap perkahwinan didahului dngan upacara pertunangan.

⁷³Abas Hj. Ali, Rembau Sejarah Perlembagaan, Adat dan Istiadatnya, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, Johor, 1953, hlm. 1.

Sebelum dikirimkan utusan untuk meminang, biasanya akan diadakan risik-duai (merisik). Semasa merisik itu, lazimnya mereka menggunakan kata-kata adat yang tertentu. Di antara kata adat yang selalu digunakan ialah:

Perigi sebuah sepermandian
 Halaman sebuah sepermainan
 jamban sebuah seperulangan
 Adat tidak menghambat
 Hukum tidak menghalang
 Yang baru mengadakan ipar lamai
 Yang lama mengadakan anak pinak
 Nan anak itu kecil dididik dibesarkan
 Sudah besar diserahkan mengaji, bernazam
 Yang perempuan pula diserahkan menangkap,
 menjahit, menyulam
 Kecik dah gadang
 Gadang dah sudah
 Diserukan pula untungnya
 Untung lelaki dicari-carikan
 Untuk perempuan dinanti-nantikan.

Dalam risik-duai ini besar kemungkinan diterima pinangan, maka utusan meminang pun dihantar dengan sebetuk cincin tanya. Cincin tanya hendaklah dipulangkan dalam masa tiga hari jika pinangan ditolak. Jika diterima, akan diadakan upacara "mengembang cincin". Seterusnya pihak lelaki akan meletakkan sebetuk cincin lagi pada cincin yang ada.

Apakah syarat orang semenda menyemenda
 Kok dirisik diisikan
 Kok kata dijawabkan
 Jawab tidak, jawabnya dengan tanda rupa
 Esa sekata dilakukan
 Tak esa, sekata dihentikan
 Cacat cela dikembalikan
 Sawan gila diluar janji
 Helah lelaki loncor⁷⁴
 Helah perempuan ganda
 Helah direka cincin sebetuk
 Cincin sebetuk cincin pertanyaan
 Cincin dua bentuk cincin pertunangan.

Setelah kata dibalikkan kepada pihak lelaki bahawa pinangan mereka itu telah diterima, janji pun dibuat untuk menentukan hari perkahwinan. Janji yang mereka buat itu mestilah ditepati dan semasa di dalam janji itu, usaha-usaha untuk melangsungkan perkahwinan itu pun diadakan. Segala persiapan serta kelengkapan mesti dibuat. Apabila telah sampai pada hari yang dijanjikan itu nanti, ianya mestilah ditepati. Tetapi dalam keadaan yang tertentu, perkahwinan akan terbatal jika dalam masa pertunangan didapati:

⁷⁴Loncor bermaksud pihak lelaki yang mungkir akan kehilangan tanda pertunangan.

Cacat sida

Sawan gila

Hidup mati

Di luar janji ...

Maksudnya jika salah satu pihak itu terkena penyakit seperti sawan atau gila atau penyakit lain seperti kusta, mati pucuk, untut, cacat sebab kemalangan maka segala perjanjian yang dibuat sebelum ini tidak sah.⁷⁵

Jika didapati pula dalam masa pertunangan, perempuan yang bertunang telah dirosakkan oleh lelaki lain, ibubapa si perempuan terpaksa membayar kepada si lelaki dua kali ganda adat kahwin dan sebarang pemberian yang telah diterima. Jika ibubapa didapati cuba menyorokkan perkara buruk ini, maka mereka terpaksa membayar tiga kali ganda adat dan pemberian. Jika si lelaki cuma tahu akan kerosakan ini sesudah berkahwin, dia boleh memberitahu mertuanya dengan isyarat menterbalikkan tepak sirih. Dia akan mendapat potongan dan cuma membayar adat kahwin sebagai janda sahaja. Bakinya akan dipulangkan kepadanya.

⁷⁵Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, hlm. 136.

b) Aturan yang tidak lazim

Jenis nikah kahwin yang biasa dilalui oleh tiap-tiap orang yang akan berkahwin ialah merisik, meminang dan seterusnya istiadat perkahwinan. Di samping aturan biasa ini terdapat aturan lain yang tidak lazim tetapi adalah diakui dan dilembagakan atau di'institutionalized'kan.⁷⁶ Jenis nikah kahwin yang tidak lazim ialah:

i) Serah berani atau menyerah

Serah berani ini bersalahan dari segi adat. Ini disebabkan perbuatan itu dibuat dengan mengikut kehendak hati sahaja. Keadaan ini terjadi apabila seseorang pemuda yang berkehendakkan seorang gadis lalu duduk di pangkal serambi rumah perempuan yang dihajatinya. Justeru keadaan "menyerah" itu hanya duduk sahaja di pangkal serambi maka perbuatan itu dikenali juga dengan nama "menyerambi". Orang yang menyerah itu mestilah berani berdegil, kadangkala berhari-hari iaitu dua atau tiga hari sehingga perkara itu dibicarakan oleh kedua-dua pihak.

Perkahwinan dengan cara ini, hanyalah dapat diselesaikan oleh Buapak sahaja dan pemuda itu mestilah patuh kepada adat yang ditentukan oleh pihak perempuan.

⁷⁶Zainal Kling, Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 209.

Adat yang akan dikenakan itu adalah setinggi-tinggi adat kerana menurut perbilangan:

Orang menyerah tanda kaya.⁷⁷

Jadi mereka yang menyerah itu diibaratkan seperti orang kaya. Oleh itu denda yang akan dikenakan ke atasnya tentulah juga tinggi. Disebabkan lelaki itu menurut kehendak hatinya sahaja, maka sampailah masanya pihak perempuan pula menghukum mengikut kehendak hati mereka pula, seperti kata perbilangan:

Tegak dek lonjak kopiah pasok

Tegak dek lenggong baju koyak

Tegak dek rentak kaki patah

Oleh kerana mengikut hati sendiri, maka pemuda tersebut mestilah sanggup menerima balasannya dengan menurut kemahuan keluarga si gadis itu.

ii) Nikah Terkurung Di Dalam.

Nikah Terkurung ini juga dikenali sebagai "salah-salahan". Apa yang dikatakan nikah terkurung ini ialah apabila didapati seorang lelaki dengan seorang perempuan di dalam keadaan yang sumbang di dalam sebuah rumah. Berita kedua-dua orang yang terkurung akan disampaikan

⁷⁷Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 128.

kepada buapak kedua-dua belah pihak yang terlibat. Lazimnya lelaki tersebut tidak akan dilepaskan dari kurungan sehingga "buapak"nya mengisi "adat salah-salahan". Dari segi adat, mereka ini mestilah dinikahkan. Walaupun proses ini merupakan proses perkahwinan yang "formalised" tetapi perbuatan ini dianggap tidak baik dari segi moral dan pandangan masyarakat.

Mereka yang ditangkap boleh jadi kerana mereka telah diserkap atau ada kemungkinan juga mereka telah merancang keadaannya. Mengikut adatnya adalah sama sahaja hukuman yang dijatuhkan. Menyentuh tentang adat salah-salahan tersebut biasanya ia tertakluk kepada kehendak satu-satu suku. Pada masa dahulu, ianya dibayar dengan kain tetapi kini ia telah digantikan dengan bayaran wang sahaja.

Bagi mereka yang telah merancang perkara ini, tidaklah menjadi masalah apa-apa, kerana mereka menerima hukuman yang diberikan. Di dalam menentukan tingkat kesalahan ini ada terdapat satu perbilangan:

Terkurung mati

Tertanda berhutang

Terkurung mati ditujukan kepada mereka yang ditangkap dan tidak boleh melarikan dirinya dari

hukuman. "Mati" itu bukanlah bermaksud mereka itu akan dijatuhkan hukuman bunuh. Di sini ia bermaksud sebagai lelaki yang terkurung itu tidak dapat lagi mengelak dirinya dari menerima hukuman.

iii) Merumah.

"Merumah" ini biasanya disebabkan oleh ibubapa pihak perempuan tidak menyukai si lelaki. Oleh itu sebagai jalan keluar yang paling mudah bagi lelaki tersebut ialah kahwin merumah. Perlaksanaannya hampir sama dengan kahwin menyerah. Si lelaki tersebut akan naik ke rumah dan masuk ke bilik perempuan yang dihajatnya itu dan memegangnya. Malah kadang-kadang berlaku juga si lelaki tersebut mengunci bilik berkenaan sehinggalah suatu penyelesaian dilakukan oleh kedua-dua pihak dan ia diterima untuk dinikahkan dengan perempuan yang dihajatnya. Biasanya perbuatan si lelaki tersebut dilakukan pada waktu malam.

Dalam perkahwinan jenis ini sedikit sebanyak terlihat unsur kekerasan dan paksaan di dalamnya. Tujuannya hanyalah semata-mata untuk mendapatkan perempuan yang dihajatnya sahaja tanpa menghiraukan buruk baik dari perbuatannya itu, kadangkala untuk mempertahankan diri dari serangan pihak adik-beradik si perempuan, si lelaki turut membawa bersama-samanya senjata. Oleh itu masyarakat menganggap orang yang kahwin

merumah adalah mereka yang berani. Seperti kata perbilangan:

Orang merumah

Hati berani

Senjata tajam

Mulut becar

Emas banyak⁷⁸

Di setengah-tengah tempat pula, kadangkala si lelaki tersebut akan membawa lari perempuan itu keluar dari Negeri Sembilan. Ini adalah kerana sekiranya tidak dibawa lari keluar dari negeri tersebut dikhuatiri berlaku banyak kesulitan dan masalah. Umpamanya saudara-mara kepada pihak perempuan tentu sahaja mahukan saudara perempuannya diserahkan kembali dengan berbagai tuntutan. Sekiranya si lelaki berjaya dalam usahanya tidak mahu memulangkan si perempuan kepada keluarganya, barulah dia boleh berkahwin dengan gadis tersebut. Ibu perempuan biasanya akan mengadakan majlis perkahwinan pada hari itu juga. Jika sekiranya si lelaki itu kalah, dia terpaksa membayar adat iaitu sebanyak bayaran kesalahan yang telah ditetapkan.⁷⁹

⁷⁸Zainal Kling, Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara, hlm. 210.

⁷⁹Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 120.

iv) Merebut merampas

Perbuatan ini juga diberi nama "beli laki". Ia jarang berlaku tetapi dibenarkan oleh adat. Ini berhubungan dengan isteri yang dimadukan. Isteri pertama boleh menuntut haknya mengikut adat. Caranya ialah dengan pergi ke rumah isteri muda dengan membawa sebilah pisau atau keris yang terhurus dan sambil berdiri di tangga berteriak menuntut pembayaran atau memulangkan semula suaminya itu kepadanya. Jika madunya sanggup menjelaskan tuntutan itu bolehlah dan berhaklah madunya kepada si lelaki berkenaan sebagai suaminya.⁸⁰

2.3.5 Hukuman Orang Semenda dan Tempat Semenda

Sistem kekeluargaan yang seterusnya dikenali sebagai "keluarga semenda". Keluarga semenda ini terbentuk melalui perkahwinan "Ego". Di ketahui umum bahawa dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan mengandungi 12 suku yang mengamalkan sistem perkahwinan yang berbentuk "exogamy" iaitu tidak boleh berkahwin dalam sukunya sendiri.

Bagi seseorang yang datang ke dalam satu-satu suku yang lain dari sukunya sendiri melalui perkahwinan maka dia dipanggil "orang semenda". Sementara anggota-

⁸⁰Ibid., hlm. 129.

anggota suku yang didatangi itu pula dinamakan "tempat semenda". Tiap-tiap golongan sama ada orang semenda atau orang tempat semenda mempunyai kewajiban dan kekuasaan masing-masing.

Seseorang itu boleh menjadi orang semenda dan orang tempat semenda dengan serentak. Hal ini berlaku apabila dia berkahwin. Pembahagian kepada dua jenis orang tersebut mustahak bagi menentukan hak dan kewajiban yang berlainan dari kedua-dua pihak terhadap suku secara keseluruhan. Hak dan kewajiban ini timbal-balik yang bertujuan untuk kepentingan bersama. Kedudukan orang semenda di tempat semenda mendapat penghargaan diri yang selayaknya seperti yang terdapat di dalam perbilangan ini:

Orang semenda di tempat semenda

Jika cerdik tempat berunding

Jika bodoh disuruh arah

Yang berani dibuat kepala lawan

Kalau kaya hendakkan emasnya

Kalau alim hendakkan ilmunya.

Orang semenda dengan sendirinya menjadi anak buah kepada Lembaga atau Buapak kepada suku isterinya. Dia menjadi mata telinga, pengawal, pemerhati buruk dan baik kepada tempat semendanya. Hubungan orang semenda dengan orang semenda yang lain dalam suku itu dikenali sebagai

"seresam" manakala tempat semenda pula sesama mereka adalah "seadat".

Dalam masyarakat Adat Perpatih, tipologi orang semenda ada lima:

i. Orang Semenda sahaja.

Iaitu orang semenda tanpa anak. Oleh itu tidak menolong mengembangkan suku.

ii. Orang Semenda Bapa Budak.

Sekurang-kurangnya, kalau tidak ada sumbangan lain, menolong menambah anggota-anggota .

iii. Orang Semenda Langau Hijau.

Orang semenda yang meninggalkan isterinya sesudah mengandung, juga orang semenda yang membuntingkan perempuan lain dalam suku isterinya.

iv. Orang Semenda Kumbang Jantan.

Orang semenda yang menghabiskan harta isterinya.

v. Orang Semenda Alas Orang Tempat Semenda.

Mereka dikatakan sebagai orang semenda yang unggul, orang semenda yang berguna dan menguatkan kedudukan sesuatu suku itu.

Orang semenda harus patuh pada tata tertib hidup bermasyarakat dalam suku isterinya. Ini tidaklah menjadi satu perkara luar biasa baginya kerana dia sendiri hidup dalam sistem itu dan tahu benar tentang tata tertib semenda menyemenda.

Masuk kandang kerbau menguak
 Masuk kandang kambing mengembek
 Bagaimana adat tempat semenda dipakai
 Bila bumi dipijak, langit dijunjung
 Bagaimana adat negeri itu dipakai.

Orang semenda juga tertakluk pada hukum berjiran:

Duduk berpelarasan
 Dekat rumah, dekat kampung
 Boleh pinta meminta
 Sakit pening jenguk menjenguk
 Sejambar seperulangan
 Seperigi sepermandian
 Sehalaman sepermainan.

Sebagai orang semenda, dia umpama timun dan harus mengalah.

Disuruh pergi

Dipanggil datang

Tetapi dalam keluarganya sendiri, dia adalah raja.

Lingkungan bendul yang empat

Orang semenda yang punya.

Dia berkuasa ke atas seisi rumahnya termasuk isteri.

Salah hamba kepada tuan

Salah murid kepada guru

Salah anak kepada bapa

Salah bini kepada laki.

Dan ditegaskan:

Kunci bini laki.

Orang semenda juga diharapkan menokok-nambah harta isteri:

Kalau alim minta doanya

Kalau kaya minta ringgitnya

Kalau cerdik minta akalanya

Kalau rimbun tempat berteduh.

Orang tempat semenda sebaliknya pula mesti menghormati orang semenda. Kesalahan mereka yang besar terhadap orang semenda ialah apa yang dikatakan:

Sudah diberi ditarik balik

Sudah diuja dipanjang ekor

Sudah dipertaruh dipermalami

Sudah dipesan dituruti.

Perbilangan ini bermakna bahawa sebarang harta jika telah diberi kepada orang semenda suami isteri, tidak boleh ditarik balik.

2.4 Rumusan

Benteng sesebuah negeri itu ialah undang-undang atau perlembagaannya yang disusun atas dasar kebenaran dan muafakat. Rakyat yang tinggal di dalam negeri akan terjamin kedudukannya kerana adanya "pusaka" sama ada kata pusaka, gelaran pusaka mahupun harta pusaka. Semuanya menjadi benteng yang kuat dari segala yang meruntuhkan nilai masyarakat. Hal ini jelas dalam kata perbilangan.

Orang Barat berbenteng besi

Orang Melayu berbenteng adat

Selagi kita mengalir budi

Dipuji dijunjung setinggi pangkat.

Hukum Adat Perpatih menggunakan kata-kata pusaka adat dalam menghuraikan undang-undang yang dibentuknya. Kata pusaka itu ialah kata-kata peninggalan nenek moyang yang tersusun di dalam perbilangan adat, peribahasa,

pepatah-petitih, sambaan dan ungkapan-ungkapan yang di dalamnya mengandungi susunan adat istiadat lama dan pegangan masyarakat Adat Perpatih. Mengenai kata pusaka ini ada diamanatkan supaya ianya benar-benar diikuti.

Sebaris berpantang hilang

Setitik berpantang lupa.

Dari kata perbilangan di atas, ia menyeru supaya masyarakat yang akan datang terus mengamalkan peraturan-peraturan yang telah diturunkan oleh masyarakat dahulu. Ini kerana orang yang hidup lebih dahulu telah mengalami pahit maung hidup di dunia ini. Oleh itu mereka mahukan masyarakat yang memelihara pesanan-pesanan yang berfaedah ini.

Oleh itu sudah menjadi peraturan alam bahawa kehidupan ini memerlukan undang-undang. Tiap-tiap manusia yang hidup ini tidak dapat lari dari mematuhi peraturan-peraturan yang ditentukan. Adat Perpatih diadakan supaya masyarakat dapat dikawal dan seterusnya menikmati kehidupan yang sempurna. Seperti kata perbilangan:

Hidup dikandung adat

Mati dikandung tanah.

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

- A.A. Navis. 1986. Alam berkembang jadi guru: Adat dan kebudayaan Minangkabau. Jakarta: PT Pustaka Grafitipers.
- Abbas Hj. Ali. 1953. Rembau: Sejarah perlembagaan adat dan istiadatnya. Johor: Pejabat Cetak Kerajaan Johor.
- Abdul Kadir Ismail dan Abdul Monir Yaacob. 1983. Harta sepencarian menurut pandangan Islam. Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Kadir Yusof, 1972. Mengenai Adat Perpatih. Dewan Masyarakat. April: 39.
- Abdul Rahman Hj. Mohammad. 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1970. Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari sejarah dan kebudayaan. Negeri Sembilan: Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1974. Kemurniaan dalam Adat Perpatih. Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia, Negeri Sembilan. 10 - 12hb. April.
- Abdullah Siddik. 1974. Pengantar undang-undang adat di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmed Ibrahim dan Alilemah Joned. 1992. Sistem undang-undang di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj. Buyong Adil. 1981. Sedjarah Negeri Sembilan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj. Idrus Hakimy Dt. Raja Penghulu. 1984. Adat Minangkabau basandi syara', syara' basandi kitabullah dalam pembangunan masyarakat adat. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri. Anjuran Universiti Pertanian Malaysia, Kerajaan Negeri Sembilan dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. 3-5hb. Mei.
- Hj. Mustafa Hj. Ahmad. 1974. Adat dan syara' di Negeri Sembilan. Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12hb. April.
- Hamka. 1963. Minangkabau menghadapi revolusi. Jakarta: Penerbitan Firma Tekad.

- Harun Mat Piah. 1989. Puisi Melayu Tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim A. Ghani. 1974. Kata perbilangan dan tafsirannya. Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia, Negeri Sembilan. 9-12hb April.
- Hilman Hadikusuma S.H. 1981. Hukum ketatanegaraan adat. Bandung: Penerbit Alumni.
- Hooker, M.B. 1970. Reading in Malays adat laws. Singapore: Singapore University Press.
- Hooker, M.B. 1972. Adat laws in modern Malays. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Idris Yahya. 1975. Perpecahan tanah dan masalahnya. Dewan Masyarakat. Jan: 24.
- Ismail Hamid. 1988. Masyarakat dan budaya Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Josselin de Jong, P.E. 1952. Minangkabau and Negeri Sembilan. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Kamarulzaman Abd. Kadir. 1984. Perbilangan Adat Perpatih ditinjau dari segi keindahan bahasanya. Seminar Kebangsaan dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Anjuran Universiti Pertanian Malaysia, Kerajaan Negeri Sembilan dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. 3-5hb Mei.
- Mansur Hj. Jamaluddin. 1974. Konsep harta di dalam sistem Adat Perpatih. Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12hb. April.
- M.D. Mansoer, Amrin Imran, Mardanas Safuan, Asmaniar, Z. Idris dan Sidi I. Buchari. 1970. Sedjarah Minangkabau. Jakarta: Bhratara.
- Md. Sharif Fakeh Hassan. 1974. Sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan kaitannya di Minangkabau. Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia, Negeri Sembilan. 10-12hb. April.
- Miriam Budiardjo. 1975. Masalah kenegaraan. Jakarta: Gramedia.
- M. Nasroen. 1971. Dasar falsafah adat Minangkabau. Djakarta: Penerbit Bulan Bintang.

- Mochtar Naim. 1979. Merantau pola migrasi suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mohamed Din Ali. 1957. Sambaan chakap dan perpatah adat Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohd. Dahlan Mansoer. 1974. Minangkabau dan Negeri Sembilan: Tinjauan dan kaitan sejarah dan kebudayaan. Seminar Persejaraan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12hb. April.
- Mohd Shah b. Hj. Lassim dan Norhalim b. Hj. Ibrahim. 1984. Tanah-tanah terbiar: Satu cadangan pembangunan. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. 3-5hb. Mei.
- Mohd. Yusof Md. Nor. 1985. Perlambangan dalam perbilangan Adat Perpatih: Satu pandangan umum. Sari. Julai: 131-132.
- Nordin Selat. 1978. Renungan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nordin Selat. 1982. Sistem sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1984. Sistem sosial adat Negeri Sembilan. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Anjuran Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. 3-5hb. Mei.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1988. Negeri Sembilan sebagai Identiti sosio-politik yang unik. Seminar Identiti Budaya Negeri Sembilan. Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, Negeri Sembilan.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. Adat Perpatih: Perbezaan dan persamaan dengan Adat Temengghung. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
- Othman Hj. Ishak. 1981. Fatwa dalam perundangan Islam. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Othman Hj. Ishak. 1982. Hubungan antara undang-undang Islam dan undang-undang adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim Syam Norhale. 1985. Mendekati Kebudayaan Melayu. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.

- Shamsul Amri Baharuddin. 1974. Politik Adat Perpatih. Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12hb. April.
- Shellabear, W.G. Tanpa tarikh. Sejarah Melayu. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Taha Abd. Kadir. 1980. Masyarakat Adat Perpatih kontemporari di Negeri Sembilan dalam menghadapi perubahan sosio-ekonomi. Seminar Internasional Mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau.
- Taylor, E.N. 1929. Customary law of Rembau. JMBRAS, Vol. VII: 8, 40.
- Winstedt, R.O. 1934. Negeri Sembilan: The history, polity and belief at the nine states. JMBRAS. October: 42-44.
- Zakiah Hanum. 1989. Asal-usul negeri-negeri di Malaysia. Kuala Lumpur: Times Books Internasional.
- Zainal Abidin Ahmad. 1964. Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. 1969. Sistem kekeluargaan di Melaka Utara. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zainal Kling. 1985. Pengaruh Kebudayaan Minangkabau di Malaysia. Seminar Kebudayaan Minangkabau di Bukit Tinggi, Sumatera, Indonesia. 19-20hb. Ogos.